



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### PENGISYTIHARAN MPOX SEBAGAI PUBLIC HEALTH EMERGENCY OF INTERNATIONAL CONCERN (PHEIC) OLEH PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa mpox sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (*Public Health Emergency of International Concern* - PHEIC) untuk kali kedua pada 14 Ogos 2024. Sebelum ini, mpox telah diisytiharkan sebagai PHEIC buat pertama kali pada 23 Julai 2022 dan berakhir pada 11 Mei 2023.

Pengisytiharan kali kedua ini dibuat berdasarkan nasihat Jawatankuasa Kecemasan IHR (*IHR Emergency Committee*) dengan menekankan penularan *strain* mpox baharu iaitu *clade 1b* yang lebih pantas di Republik Demokratik Congo (DRC) dan negara-negara jiran di rantau Afrika. Peningkatan kes di DRC adalah amat ketara dengan lebih 15,600 kes dan 537 kematian telah dilaporkan pada tahun 2024, melebihi jumlah tahun sebelumnya. Selain itu, terdapat empat negara di Afrika Timur yang melaporkan kes mpox buat pertama kali iaitu Burundi, Kenya, Rwanda, dan Uganda.

KKM sentiasa bersiap sedia melalui pengukuhan aktiviti surveilan dan advokasi berkaitan mpox seperti berikut:

- i. meningkatkan pemantauan di semua pintu masuk antarabangsa di mana semua pengembara yang tiba dari negara-negara yang melaporkan mpox perlu memantau status kesihatan sendiri setiap hari termasuk gejala jangkitan mpox bagi tempoh selama 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia
- ii. menasihatkan individu yang mempunyai sejarah aktiviti berisiko dan mempunyai gejala seperti ruam atau lepuh pada kulit perlu segera menjalani pemeriksaan di fasiliti kesihatan berhampiran serta mengelakkan kontak dengan individu lain bagi mengelakkan penularan jangkitan
- iii. memastikan semua pengamal perubatan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta untuk menotifikasi kes disyaki dan kes yang disahkan mpox dengan segera ke Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan. Bagi pengurusan kes mpox, pengamal perubatan boleh merujuk kepada garis panduan "*Guidelines on mpox management in Malaysia 2023*" di laman sesawang portal rasmi KKM ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)).
- iv. memastikan makmal bagi pengujian dan diagnostik bersedia di mana buat masa ini terdapat 10 buah makmal yang menjalankan ujian PCR bagi tujuan pengesahan termasuk dua (2) makmal swasta
- v. mempertingkatkan aktiviti kesedaran mpox dan edaran bahan pendidikan kepada kumpulan berisiko dengan kerjasama badan

bukan kerajaan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti seperti spa & sauna

- vi. memastikan premis-premis yang menyediakan perkhidmatan yang melibatkan kontak kulit dengan pelanggan seperti spa, urutan dan lain-lain aktiviti berisiko untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran di samping memastikan tiada pekerja atau pelanggan di premis berkaitan mengalami gejala atau menunjukkan tanda mpox seperti ruam atau lepuh pada kulit. Sekiranya terdapat pekerja atau pelanggan yang mempunyai gejala tersebut, mereka perlu segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

KKM akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk hospital dan klinik swasta dalam pemantauan, pengesanan dan penjagaan klinikal kes mpox secara bersepadu. KKM akan terus memantau situasi mpox di dalam dan luar negara dan perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**18 OGOS 2024**